

JADUAL program fleksibel ditawarkan AeU digemari penuntut.



# Peluang naik taraf hidup

■ Program MBA AeU sedia pembelajaran tepat golongan profesional

Oleh Rosyahaida Abdullah  
rosyahaida@hmetro.com.my

**P**rogram pengajian Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) kian menjadi pilihan untuk meningkatkan kelayakan akademik, sekali gus menaikkan taraf hidup mereka. Segelintir daripadanya mendalami ilmu untuk kepuasan diri, namun ramai juga memenuhi keperluan organisasi mahupun syarikat tempat mereka bekerja.

Selari dengan peningkatan permintaan dalam pasaran, Asia e University (AeU) menawarkan program MBA yang meliputi pelbagai kurikulum pembelajaran untuk golongan profesional.

Program ini direka khusus untuk melengkapkan penuntut dengan konsep teori dan analisis yang memberi keupayaan mengharungi cabaran serta kerumitan dunia perniagaan. Terdapat beberapa pilihan pengkhususan bagi program ini antaranya Perniagaan Antarabangsa, Keusahawanan, Kewangan dan Perbankan Islam serta Pengurusan Risiko.

Gabungan kuliah, kajian kes, tugas bertulis, projek berkumpulan, pembentangan dan perbincangan kelas atau forum atas talian bagi metodologi pembelajaran di AeU mendedahkan, penuntut dengan ilmu serta pengalaman penting sebelum mencapai resolusi penyelesaian terbaik.

Berasaskan konsep pembelajaran peribadi, AeU mengaplikasikan mod Pembelajaran Teradun menerusi tiga metodologi yang mampu memberi impak efektif iaitu Pembelajaran Kendiri, Pembelajaran Langsung Dalam Talian dan Pengajian Bersemuka.

Laman web khas dikenali se-

bagai Private Learning Space (PLS) membolehkan penuntut mengakses dan memuat naik material pembelajaran lebih awal pada bila-bila masa di mana saja mereka berada.

Bagi mengoptimalkan kaedah pengajaran, pelajar bertemu dan bersemuka dengan fasilitator akademik pada hujung minggu selama 10 jam dalam satu semester di mana kelas MBA diadakan hanya sekali dalam sebulan.

AeU turut menawarkan insentif untuk meringankan beban penuntut termasuk Biasiswa Kecemerlangan AeU dan diskaun untuk pembayaran penuh yuran pengajian, warga emas dan orang kelainan upaya (OKU) selain MyBrain15 bagi program pascailazah.

"Saya tertarik kepada program MBA yang ditawarkan AeU, disebabkan jadual kuliahnya fleksibel, tenaga pengajar mesra dan membantu

serta yuran program mampu bayar," kata Norrence Porodong, penuntut MBA AeU yang juga Eksekutif Kanan Kewangan.

Ditubuhkan pada 2007 melalui sokongan 33 negara anggota Dialog Kerjasama Asia, kini, AeU berjaya menarik kemasukan hampir 15,000 penuntut bagi pelbagai program akademik dan eksekutifnya.

Pengambilan penuntut dijalankan tiga kali setahun iaitu Januari, Mei dan September. Untuk kemasukan sesi pengajian Januari 2014, calon boleh mendaftar di kaunter pendaftaran di Kampus Induk Jalan Sultan Sulaiman, Kuala Lumpur atau melalui wakil di Pusat Pengajian AeU di setiap negeri atau secara dalam talian menerusi laman web www.aeu.edu.my. Hubungi talian bebas tol 1-300-300-238 untuk maklumat lanjut.

